Ecolution KWH Memanfaatkan Tenaga Kinetik untuk Membekalkan Kuasa pada Treler Peti Sejuk yang Mengedarkan Makanan dan Perubatan ke Seluruh Dunia

- ***Pengurangan Pelepasan Diesel Boleh Melebihi Jejak Karbon Gabungan Rom, San Francisco dan Paris***

- ***Teknologi mengitar semula Tenaga 'Terbuang', Menjana Kecekapan Bahan Bakar Pada Lori Tugas Berat***

- ***Perniagaan E-mobiliti Transformatif Disokong oleh Usahawan Berjaya dan Peneraju Industri Utama***

NAPLES, Florida, 25 September 2020 /PRNewswire/ -- Ecolution KWH, LLC ("Ecolution"), sebuah syarikat e-mobiliti dan kuasa, telah menerima paten AS untuk menggunakan semula tenaga kinetik terbuang dalam treler peti sejuk yang digunakan untuk mengedarkan makanan dan ubat-ubatan. Apabila digabungkan dengan trak elektrik atau hidrogen, seperti yang dibangunkan oleh Tesla dan lain-lain, treler Ecolution berjaya mencapai penghapusan pelepasan karbon sepenuhnya yang telah sekain lama melanda industri global bernilai berbilion-bilion dolar.

Sistem 'green perfect cycle™', MARS™ Ecolution, menggantikan tangki gas diesel dan unit Genset TRU yang biasanya digunakan dalam treler "reefer" untuk menyejukkan produk dan ubat-ubatan semasa dalam perjalanan ke kedai-kedai dan kedai runcit dengan bateri yang boleh ditukar. Hasilnya, ia dapat mengurangkan berat purata treler peti sejuk sebanyak 1,200 paun, meningkatkan kapasiti pengangkut treler, sekaligus memberikan hayat bateri yang lebih lama untuk trak elektrik.

Inovasi utama yang dipatenkan oleh MARS adalah penggunaan pengulang-alik yang disambungkan ke brek cakera dalam treler, menghantar kuasa melalui penukar ke unit simpanan bateri untuk tenaga mengikut keperluan, semuanya boleh didapati di dalam treler reefer. Syarikat itu kini mempunyai empat paten yang masih menunggu kelulusan di Jerman, Jepun, China dan Korea Selatan. Ciptaan tersebut, yang dalam penyelidikan dan pembangunan selama lima tahun, kini berada di peringkat prototaip di AS, Eropah, Amerika Latin dan Asia.

"Apa yang menarik tentang penemuan tersebut adalah reka bentuk yang mudah dan oleh kerana unit bateri terletak di dalam treler, hayat kedua bateri Tesla dan kenderaan elektrik lain boleh dikitar semula, membantu menyelesaikan masalah persekitaran yang lain," kata Johanne Medina Then, Ketua Pegawai Eksekutif Ecolution.

"Hampir semua orang percaya bahawa e-mobiliti adalah masa depan untuk trak tugas berat," kata Craig Bouchard, Pengerusi Eksekutif Ecolution. "Kini kami telah menyerahkan kes perniagaan. Treler peti sejuk (dan kereta api) telah mewujudkan beberapa masalah alam sekitar yang paling merosakkan bagi generasi kita. Pelepasan karbon sifar bersih dalam pengedaran makanan adalah satu-satunya penyelesaian untuk masalah global ini."

"Kes penggunaan untuk Ecolution lebih terserlah pada peringkat penghantaran, terdapat kekurangan ruang penyimpanan sejuk di kedai-kedai runcit. Reefer sering diletakkan selama berjam-jam atau berhari-hari di tempat letak kereta, menggunakan diesel untuk menghidupkan generator semasa mereka menunggu. Perkara tersebut menimbulkan masalah kebisingan, kesihatan dan persekitaran yang serius," kata Johnny Then Gautier, Ketua Pegawai Teknologi.

Ahli Lembaga Pengarah Ecolution merangkumi beberapa industri besar, termasuk:

- Richard Giromini, bekas Ketua Pegawai Eksekutif dan Presiden Wabash National Corporation, pengeluar semi-treler dan sistem pengangkutan cecair terbesar di Amerika Utara;
- Ernest Higa, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Higa Industries Co., Ltd., dan Ketua Pegawai Eksekutif Wendy's Jepun;
- Jack Greenberg, bekas Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif McDonald's Corp;
- William Farley, Pakar Industri dan Pengasas/ Ketua Pegawai Eksekutif Fruit of the Loom;
- Randolph Read, Ketua Pegawai Eksekutif Nevada Strategic Credit Investments dan rakan perniagaan dermawan Michael Milken;
- Craig Bouchard, Pengerusi Eksekutif Ecolution dan pengasas tiga syarikat logam berasingan yang bernilai berbilion dolar

Paten Ecolution juga terpakai bagi penjanaan elektrik dalam perniagaan komuter, kereta api bawah tanah dan kereta api barang.

Logo - https://mma.prnewswire.com/media/1280470/Ecolution_Logo.jpg

HUBUNGI: P.J. Kinsella, 973-255-7153, pj@paragonpr.com